HIMPUNAN 1000 SUNNAH NABI ﷺ PAGI & PETANG

Himpunan
Khalid al-Husainan



HIMPUNAN 1000 SUNNAH NABI ﷺ PAGI & PETANG

Himpunan
Khalid al-Husainan

Terjemahan & Ringkasan
Farhan Hasmady

Disusun oleh
Irfan Faisal Hasmady

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan

Bagaimana meraih cinta Allah?

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam diucapkan ke atas junjungan besar kita, Muhammad ﷺ

Amma ba'du,

Hal terpenting yang harus diambil berat oleh seorang Muslim dalam kehidupan hariannya ialah beramal dengan sunnah baginda ﷺ agar setiap pergerakan, duduk diam, perbuatan dan percakapannya selari dengan gaya hidup Rasulullah ﷺ .

Berkata Zul-Nun al-Misri: Di antara tanda kecintaan seseorang kepada Allah ialah apabila dia mengikut jalan Nabi ﷺ dari segi akhlak, perbuatan, perintah dan sunnah.

Firman Allah swt:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾

Katakanlah (Wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah

mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (Al-Imran : 31)

Sesungguhnya kedudukan seorang mukmin itu diukur dengan sejauh mana dia mempraktik sunnah Nabi ; ﷺ semakin banyak mengamalkan Sunnah, semakin tinggi dan mulia kedudukannya di sisi Allah swt.

Oleh sebab itu, melalui himpunan ringkas ini, saya (penulis) berusaha menghidupkan sunnah-sunnah baginda

Rasul ﷺ yang boleh dipraktik dalam kehidupan seharian kita.

Renungkan...

Bagaimana perasaan kita apabila kehilangan sedikit harta atau wang. Usaha kita mencarinya sampai dapat. Namun, berapa banyak sunnah yang "hilang" dari amalan kita. Apakah kita merasa sedih tatkala "hilang" sunnah dari dipraktik?

Di mana usaha menyebarkan gaya hidup baginda ﷺ kepada umat?

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٧﴾

Bahkan kamu utamakan kehidupan dunia. Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal.
(Al-A'l a: 16-17)

Bangkit dari Tidur

1- Menyapu kesan tidur dari muka dengan tangan.

Imam Nawawi dan Ibnu Hajar menyebutkan bahawa hal ini digalakkan berdasarkan hadith,

"Apabila Rasulullah ﷺ bangkit dari tidur baginda akan duduk lalu menyapu kesan tidur dari mukanya dengan menggunakan tangan." [1]

2- Membaca doa:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ.

Segala puji bagi Allah yang menghidupkan kami selepas mematikan kami dan kepada-Nya kebangkitan. [2]

3- Bersiwak (atau menggosok gigi, -pent)

"Rasulullah ﷺ bersiwak apabila bangun dari malam."[3]

---

1 Riwayat Muslim.

2 Riwayat al-Bukhari.

3 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Masuk dan Keluar Tandas

1- Masuk dengan kaki kiri dan keluar dengan kanan.

2- Doa masuk tandas:

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ.

Wahai Allah aku berlindung dengan-Mu dari al-Khubth (syaitan) dan kekotoran. [4]

3- Doa keluar tandas:

غُفْرَانَكَ.

(Aku mohon) keampunan-Mu

Sunnah-sunnah ketika Wudhu'

1- Membaca Bismillah.
2- Membasuh tangan sehingga pergelangan sebanyak tiga kali ketika mula berwudhu.
3- Berkumur dan menyedut air ke dalam hidung sebelum membasuh muka.
4- Mengeluarkan air dari hidung menggunakan tangan kiri.
5- Berlebihan dalam berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung bagi yang tidak berpuasa. Sabda nabi ﷺ "Berlebihanlah ketika memasukkan air ke

4 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

dalam hidung kecuali kamu berpuasa." *berlebihan ketika kumur bermaksud memastikan air kena pada keseluruhan mulut. *berlebihan ketika memasukkan air ke dalam hidung bermaksud menyedut air hingga pangkal hidung.

6- Berkumur dan menyedut air ke dalam hidung dengan air yang sama. Di dalam sebuah hadith disebutkan "Kemudian baginda ﷺ memasukkan tangannya (kedalam bekas air) lalu berkumur dan menyedut air ke dalam hidung dari tangan yang sama."[5]
7- Bersiwak ketika wudhu. Ini berdasarkan hadith, "Kalaulah tidak memberatkan umatku, nescaya aku mewajibkan siwak ketika berwuduk."[6]
8- Menggosok janggut yang tebal ketika membasuh muka. Hadith menyebutkan, "nabi ﷺ menggosok-gosok janggutnya ketika wuduk." [7]
9- Cara Nabi ﷺ menyapu kepala: Bermula dari bahagian depan kepala hingga ke belakangnya, dan kemudian ke hadapan semula.
10- Menggosok celah jari-jari tangan dan kaki Berdasarkan hadith,
"Sempurnakan wuduk dan gosoklah di antara jari-jari."

5 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

6 Riwayat Ahmad dan al-Nasaie.

7 Riwayat al-Tirmidhi.

11- Bermula dengan anggota kanan sebelum kiri. Berdasarkan hadith, "nabi ﷺ suka bermula dengan kanan ketika memakai kasut..dan sewaktu bersuci." [8]
12- Membasuh muka, tangan dan kaki sebanyak tiga kali.
13- Menuturkan shahadah seusai wuduk:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Ganjarannya: *"Dibuka baginya kelapan-lapan pintu syurga, dia masuk melalui mana-mana pintu yang dia kehendaki."*[9]

14- Berwuduk di rumah. Sabda Nabi ﷺ, "Barangsiapa berwuduk di rumah kemudian berjalan ke salah satu dari rumah Allah untuk menunaikan solat fardu, nescaya satu langkah kakinya menghapuskan dosa, dan langkah yang lain meninggikan derajat." [10]

15- Sapuan; iaitu melalukan tangan yang bahas di atas anggota wuduk.
16- Jimat menggunaan air. Di dalam hadith," Nabi ﷺ berwuduk dengan air sebanyak *mud* (dua tapak tangan lelaki normal)"[11]

---

8 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

9 Riwayat Muslim.

10 Riwayat Muslim.

11 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

17- Melebihkan sedikit ketika membasuh kedua tangan dan kaki. Abu Hurairah membasuh tangannya hingga ke lengan dan membasuh kaki hingga ke betis sedikit dan berkata: *"Beginilah aku lihat Rasulullah ﷺ berwuduk."*[12]

18- Solat dua rakaat selepas wuduk. Sabda nabi ﷺ: sabda Nabi ,ﷺ *"Barangsiapa berwuduk seperti wuduk aku kemudian mendirikan solat dua rakaat tanpa gangguan fikiran (khusyuk), akan diampunkan semua dosa-dosa yang lampau."*[13] *Di dalam riwayat Uqbah bin Amir, "Wajib dimasukkan ke dalam syurga."*

19- Menyempurnakan wuduk; iaitu dengan memperkemaskan basuhan setiap anggota wuduk.

- Seorang muslim mengulangi wuduk banyak kali dalam satu hari dan dia mempraktik sunnah-sunnah ini setiap kali berwuduk, sudah tentu dia diberi ganjaran pahala yang cukup banyak. Dengan mengamalkan sunnah, dia akan termasuk di dalam sabda nabi :ﷺ

  "Barang siapa menyempurnakan wuduknya, nescaya dosa-dosa akan keluar dari jasadnya, bahkan dari hujung jari-jarinya." [14]

---

12 Riwayat Muslim.

13 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

14 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Siwak

Terdapat banyak waktu untuk seorang muslim bersiwak. Sabda Nabi :ﷺ "Sekiranya tidak membebankan umatku, nescaya aku memerintah mereka bersiwak untuk setiap solat." [15]

Seseorang boleh bersiwak lebih dari 20 kali dalam sehari. Antaranya ketika mendirikan solat lima waktu, sunat rawatib, sunat duha, dan witir. Begitu juga ketika masuk rumah. Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa perkara pertama yang Rasulullah ﷺ lakukan tatkala memasuk rumah ialah bersiwak sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim. Maka bersiwaklah tiap kali pulang ke rumah agar sunnah ini dapat dihidupkan semula.

Bersiwak juga digalakkan ketika membaca Al-Quran, berubah bau mulut, bangkit dari tidur dan ketika berwuduk. Rasulullah ﷺ bersabda: "Siwak itu pembersih mulut dan pembawa keredhaan tuhan." [16]

Sunnah ketika memakai kasut

Sabda Nabi :ﷺ

"Apabila salah seorang dari kamu ingin mengenakan kasut,

15 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

16 Riwayat Ahmad.

mulakan dengan kaki kanan. Apabila ingin menanggal kasut mulakan dengan kaki kiri. Hendaklah dia memakai kedua-dua belah kasut atau menanggalkan keduanya." [17]

Sunnah ini berlaku berulang kali di dalam sehari. Kita mengenakan kasut dan menanggalnya ketika ke masjid, ke bilik air, tempat kerja dan rumah. Setiap masa kita mempraktis sunnah ini dan menghadirkan niat yang mulia lantas diberi ganjaran besar dari Allah. Setiap gerakan dan berdiam diri kita bertepatan dengan sunnah rasulullah ﷺ.

Sunnah-sunnah mengenakan pakaian

Sunnah-sunnah yang boleh diamalkan waktu mengenakan pakaian atau menanggalnya:

1. Membaca *bismillah* ketika mengenakan pakaian dan menanggalnya. Berkata Imam Nawawi r.h: Hal ini sangat digalakkan pada setiap perkara.
2. Tiap kali memakai pakaian atau serban baginda membaca:

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهِ وَخَيْرِ مَا هُوَ لَهُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَشَرِّ مَا هُوَ لَهُ. [18]

17 Riwayat Muslim.

18 Riwayat Abu Daud, Tirmizi dan Ahmad. Disahihkan oleh Ibnu Hibban dan al-Hakim. Berkata al-Hakim: Mengikut syarat Imam Muslim. Disetujui oleh al-Zahabi.

Ya Allah aku mohon dari-Mu dari kebaikannya dan kebaikan yang ia bawa, dan aku mohon perlindungan-Mu dari keburukannya dan keburukan yang ia bawa.

3. Mulakan dengan sebelah kanan. Sabda Nabi ﷺ: "Apabila kamu mengenakan pakaian mulakan dengan sebelah kanan." [19]
4. Menanggal pakaian dari sebelah kiri sebelum kanan.

Keluar dan masuk rumah

Terdapat sunnah-sunah sewaktu keluar dan masuk, antaranya:

*Imam Nawawi berkata: disunatkan membaca *bismillah*, memperbanyakkan zikir dan memberi salam.

1. Mengingati Allah s.w.t ketika masuk. Sabda nabi ﷺ : "Apabila seseorang itu menyebut nama Allah ketika masuk rumah dan menjamah makanan, maka syaitan akan berkata: Tiada tempat tinggal untuk kamu semua (para syaitan) dan tiada makanan."

2. Bersiwak. Berdasarkan hadith, "Apabila nabi ﷺ masuk ke dalam rumah baginda aku mulakan dengan siwak." [20]

---

19 Hadith sahih riwayat al-Tirmizi, Abu Daud dan Ibnu Majah.

20 Riwayat Muslim

3. Memberi salam. Firman Allah s.w.t:

فَإِذَا دَخَلْتُم بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَٰرَكَةً طَيِّبَةً

Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik (Al-Nur: 61)

4. Membaca doa keluar dari rumah:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

Dengan nama Allah, aku bertawakal ke atas-Nya dan tiada upaya serta kekuatan melainkan pada Allah Barangsiapa membaca doa tersebut ia cukup buatnya, dia akan dilindungi dan syaitan akan menjauhkan diri. [21]

Seorang muslim keluar dari rumahnya berulang kali dalam sehari. Apabila dia mengamalkan sunnah ini ganjaran yang besar menantinya dari sisi Allah s.w.t.

Antara kelebihan mengamalkan sunnah ini:

---

21 21 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

- Amalan sunnah ini cukup untuk segala urusan dunia dan akhiratnya.
- Mendapat benteng perlindungan dari keburukan, tidak kira dari manusia mahu pun jin.
- Mendapat petunjuk Allah dalam setiap urusan dunia dan akhirat.

Menuju ke masjid

1. Bergerak awal ke masjid.
   Sabda Nabi ﷺ : "Kalau lah manusia tahu akan (ganjaran) melaungkan azan dan (ganjaran) mendapat saf pertama, lalu tiada cara mendapatnya melainkan dengan membuat cabutan nescaya mereka sanggup melakukannya. Kalau lah mereka tahu akan (ganjaran) datang awal menunaikan solat nescaya mereka akan berlumba-lumba datang awal. Kalau lah mereka tahu akan (ganjaran) menghadiri solat Isyak dan Subuh berjemaah nescaya mereka akan menghadirinya walau terpaksa merangkak." [22]

2. Bergerak dengan *sakinah* dan *waqar.*

Sabda nabi ﷺ : "Apabila kamu mendengar panggilan iqamah, berjalanlah ke masjid dengan *sakinah* dan *waqar.*"[23]

---

22 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

23 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Sakinah: Ketenangan dalam pergerakan dan menjauhi urusan yang sia-sia.
Waqar : Merendahkan pandangan dan suara.

3. Berjalan kaki ke masjid.
   Para ulama menyebut bahawa merapatkan langkah kaki dan tidak tergesa-gesa dalam berjalan termasuk sunnah. Hal ini berdasarkan nas-nas yang menyebut tentang kelebihan memperbanyakkan langkah ke masjid. Antaranya sabda nabi :ﷺ "Tidakkah kamu mahu aku memberitahu suatu perkara yang (jika kamu lakukannya) Allah akan hapuskan dosa-dosa dan meninggikan darajat?" Mereka menjawab: Ya, wahai Rasulullah ﷺ." Antara yang disebut oleh Nabi ﷺ "...banyakkan langkah ke masjid-masjid."[24]

4. Membaca doa masuk masjid.
   Sabda Nabi ﷺ: "Apabila salah seorang dari kamu memasuki masjid, hendaklah dia berselawat ke atas nabi dan membaca:

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ.[25]

Ya Allah bukakan bagiku pintu-pintu rahmat-Mu

---

24 Riwayat Muslim.

25 Riwayat al-Nasai, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban.

5. Masuk masjid dengan kaki kanan. Anas bin Malik r.a. berkata: "Termasuk sunnah ialah memasuki masjid dengan kaki kanan dan keluar darinya dengan kaki kiri." [26]

6. Duduk di saf pertama.
   Sabda Nabi ﷺ : "Kalau lah manusia tahu akan (ganjaran) melaungkan azan dan (ganjaran) mendapat saf pertama, lalu tiada cara mendapatnya melainkan dengan membuat cabutan nescaya mereka sanggup melakukannya."

7. Membaca doa keluar masjid.

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ.

Ya Allah aku mohon dari-Mu kurniaan-Mu[27]

8. Keluar dengan kaki kiri, berdasarkan kata-kata Anas bin Malik r.a. di atas.
9. Mendirikan solat Tahiyatul Masjid. Sabda Nabi ﷺ : "Apabila salah seorang dari kamu memasuki masjid, janganlah dia duduk selagi tidak mendirikan dua

26 Dikeluarkan oleh al-Hakim. Beliau berkata: Sahih menurut syarat Muslim Imam al-Zahabi turut bersetuju.

27 Riwayat Muslim. Riwayat al-Nasaie menambah selawat ke atas nabi.

rakaat."[28] Imam al-Syafie berkata: Tahiyyatul Masjid didirikan walau di waktu larangan solat. Ibnu Hajar berkata: Ahli taqwa bersepakat bahawa Tahiyyatul Masjid itu sunnah.

Sunnah-sunnah ketika azan

Terdapat lima sunnah sebagaimana disebutkan oleh Ibnu al-Qayyim r.h di dalam kitabnya, *Zad al-Ma'ad:*

1. Menjawab azan dengan lafaz sama yang dilaungkan oleh muazzin kecuali lafaz (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ) dan (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ). Ketika kedua lafaz ini jawapannya ialah (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ)[29] Keutamaan sunnah ini: sesiapa yang mengamalnya akan dimasukkan ke dalam syurga sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim.

2. Selepas muazzin menyebut (أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللّٰهِ) disunatkan membaca:

رَضِيتُ بِاللّٰهِ رَبًّا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا.

Aku redha Allah sebagai tuhan, Muhammad ﷺ sebagai rasul dan Islam sebagai agama Keutamaan bacaan ini: Dosa-dosa diampunkan, sebagaiman diriwayatkan oleh Imam Muslim.

---

28 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

29 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

3. Berselawat ke atas Nabi seusai azan. Sabda nabi ﷺ: "Apabila kamu mendengar laungan azan, jawablah (azan) dengan lafaz yang sama dan kemudian berselawatlah ke atas aku. Barangsiapa berselawat ke atas aku, Allah berselawat ke atasnya sepuluh selawat." [30]

Makna selawat Allah ialah pujian-Nya di hadapan penghuni langit. Selawat yang sempurna ialah Selawat *Ibrahimiyah* yang diajarkan oleh Nabi ﷺ di dalam tahiyat solat.

4. Membaca doa azan selepas berselawat.

اَللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلاَةِ الْقَائِمَةِ، آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ والْفَضِيلَةَ، وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ.

Ya Allah Tuhan seruan yang sempurna ini dan (Tuhan) solat yang didirikan, kurniakan ke atas Muhammad *al-Wasilah* dan *al-Fadhilah* dan bangkitkan buatnya maqam terpuji yang telah Engkau janjikan.

Keutamaan doa ini: Sesiapa yang membacanya

30 Riwayat Muslim.

dibenarkan mendapat syafaat Nabi ﷺ.[31]

5. Berdoa dan meminta kurniaan dari Allah s.w.t. Sabda Nabi ﷺ: "Jawablah azan dengan lafaz yang disebut oleh muazzin, dan apabila selesai mintalah dari Allah nescaya kamu akan diberi."[32]

Sunnah-sunnah ketika iqamah

Perkara-perkara yang baik untuk diberi perhatian sewaktu melaungkan azan dan iqamah:

1. Menghadap kiblat.
2. Melaungkan keduanya dalam keadaan berdiri.
3. Melaungkan keduanya dalam keadaan suci.
4. Elakkan berbual kosong terutamanya antara azan dan iqamah.
5. Berdiri tegak ketika iqamah.
6. Menyebut huruf (Alif) dan (Haa) pada n ama Allah dalam azan dengan jelas. Adapun iqamah, dibaca dengan lebih deras.
7. Meletakkan dua jari ke dalam telinga sewaktu azan.
8. Meninggikan suara dan memanjangkannya dalam azan. Adapun iqamah, suara tidak terlalu tinggi dan tidak panjang.

---

31 Riwayat al-Bukhari.

32 Riwayat Abu Dawud. Dihasankan oleh Ibnu Hajar dan Ibnu Hibban mensahihkannya.

Solat menghadap sutrah (penghadang)

Sabda Rasulullah ﷺ : "Apabila
salah seorang daripada kamu mendirikan solat, hendaklah dia menghadap *sutrah* (penghadang) dan hendaklah dia berdiri rapat dengannya[33] dan jangan biarkan orang melintas di antara dia dan *sutrah* itu." [34]

Hadith ini umum untuk diamalkan oleh semua tidak kira di rumah atau di masjid, lelaki atau perempuan.

Ketika solat berjemaah, sutrah imam memadai untuk kesemua makmum.

Beberapa permasalahan berkaitan *sutrah*:

1. Boleh menggunakan apa sahaja yang tegak sebagai *sutrah* termasuk dinding, tongkat dan tiang. Tiada had ditetapkan untuk lebar *sutrah*.
2. Adapun tinggi sutrah: seperti hujung pelana, i aitu sejengkal.
3. Jarak di antara kaki dan *sutrah* ialah lebih kurang tiga hasta, memadai untuk meletak kepala waktu sujud.
4. *Sutrah* disyariatkan untuk imam dan orang yang solat seorangan (tidak berjemaah) tidak kira solat fardu atau sunat.

---

33 Sekadar jarak yang mencukupi untuk sujud. (pent.)

34 Riawayat Abu Dawud, Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah.

5. *Sutrah* imam memadai untuk para makmum. Maka, dibolehkan lalu di hadapan makmum ketika ada keperluan.

Kelebihan mempraktikkan sunnah ini:

1. Mengelak solat dari terbatal.
2. Memelihara seseorang dari gangguan ketika solat kerana pandangannya akan tertumpu di kawasan solat yang dibatasi *sutrah.*
3. Memberikan ruang untuk sesiapa yang ingin lalu di sebalik *sutrah*.

Solat-solat Sunat

1. Sunan Rawatib.

Sabda Nabi ﷺ : "Tidak ada seorang hamba yang mendirikan dua belas rakaat solat sunat kecuali Allah akan bina untuknya rumah di syurga."[35]

Dual belas rakaat itu ialah: Empat rakaat sebelum Zohor dan dua selepasnya, dua rakaat selepas Maghrib, dua rakaat selepas Isyak dan dua rakaat sebelum Subuh.

Wahai saudaraku, apakah kita tidak rindu akan kediaman di syurga..peliharalah nasihat nabi ini dan

35 Riwayat Muslim.

jangan tinggalkannya..

2. **Solat Duha**

Ganjaran: Seperti memberi 360 sedekah. Ini kerana terdapat 360 sendi di dalam badan setiap insan[36] dan setiap daripadanya berhajat kepada sedekah sebagai tanda kesyukuran kepada Allah swt. Sabda Nabi ﷺ : "Apabila seorang itu bangun pagi, ditulis ke atasnya (kewajipan) sedekah untuk setiap sendi. Setiap tasbih itu sedekah, mengajak kepada kebaikan itu sedekah, mencegah kemungkaran sedekah, dan dua rakaat solat duha memadai untuk menunaikan kesemua sedekah itu." [37]

Waktunya: sekitar 15 minit selepas terbit matahari (syuruq) hingga sekitar 15 minit sebelum waktu Zohor. Waktu terbaik untuk menunaikannya ialah di waktu yang paling panas.

Bilangan rakaat: minimum dua rakaat.

3. **Sunat Zohor**

Empat rakaat sebelum fardu Zohor dan dua selepasnya.

---

36 Berdasarkan hadith riwayat Muslim.

37 Riwayat Muslim.

4. **Sunat Asar**
Sabda Nabi ﷺ : "Semoga Allah merahmati orang yang solat sunat empat rakaat sebelum Asar."[38]

5. **Sunat Maghrib**
Sabda Nabi ﷺ : "Solatlah (dua rakaat) sebelum Maghrib, solatlah sebelum Maghrib, solatlah sebelum Maghrib bagi sesiapa yang mahu." [39]

6. **Sunat Isyak**
Sabda Nabi ﷺ : "Di antara azan dan iqamah terdapat solat sunat (nabi ulang tiga kali) bagi sesiapa yang mahu mendirikannya."[40]

Solat Malam (Qiyamullail)

Nabi ﷺ pernah bersabda:
"Sebaik-baik puasa selepas Ramadhan ialah puasa bulan Muharam dan sebaik-baik solat selepas solat fardu ialah solat malam."[41]

1. Sebaik-baiknya didirikan sebanyak sebelas atau tiga belas rakaat dengan bacaan panjang kerana begitulah sifat solat malam nabi ﷺ [42].

---

38 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

39 Riwayat al-Bukhari.

40 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

41 Riwayat Muslim.

42 Sebagaimana direkodkan dalam Sahih al-Bukhari.

2. Apabila bangun untuk solat malam disunatkan bersiwak [43] dan membaca akhir surah Al-Imran, dari ayat 190 hingga penghujungnya.[44]

3. Membaca doa:

اَللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ لَكَ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ.[45]

4. Memulakan solat malam dengan dua rakaat yang ringan supaya memberi tenaga untuk rakaat seterusnya. Sabda Nabi s.a.w: "Apabila seorang daripada kamu ingin solat malam, mulakan dengan dua rakaat yang ringan."[46]

---

43 Atau gosok gigi (pent.)

44 Ibnu Abbas meriwayatkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa nabi membacanya ketika bangun di waktu malam sebelum mendirikan solat. (pent.)

45 Riwayat al-Bukhari.

46 Riwayat Muslim.

5. Membaca doa iftitah berikut [47] :

اَللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ عَالِمَ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ.
اللَّهُمَّ اهْدِنِي لِمَا اخْتُلِفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى
صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

Ya Allah tuhan Jibril, Mikail dan Israfil, Pencipta langit-langit dan bumi, Yang mengetahui semua perkara ghaib dan nyata, Engkau menghakimi hamba-hamba-Mu dalam perkara yang mereka perselisihi, dengan izin-Mu berilah hidayah kepadaku dalam setiap urusan yang diperselisihi, sesungguhnya Engkau memberi hidayah menuju jalan yang lurus kepada sesiapa yang Engkau kehendaki.

6. Memanjangkan bacaan solat. Nabi ﷺ pernah ditanya, "Bagaimana solat yang paling bagus?" Baginda menjawab "(Solat yang) berdirinya lama."[48]

7. Meminta lindungan Allah apabila membaca ayat-ayat tentang azab, meminta rahmat Allah apabila membaca ayat-ayat tentang (keluasan) rahmat-Nya dan memuji Allah apabila membaca ayat-ayat

47 Riwayat Muslim.

48 Riwayat Muslim.

berkaitan kebesaran-Nya. [49]

Solat Witir

1. Bagi yang melakukan tiga rakaat witir, disunatkan membaca surah al-A'la pada rakaat pertama, surah al-Kafirun pada yang kedua dan surah al-Ikhlas pada rakaat ketiga.[50]

2. Setelah selesai witir, disunatkan membaca doa berikut sebanyak tiga kali dengan mengeraskan suara pada bacaan ketiga: [51]

سُبْحَانَكَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ، سُبْحَانَكَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ، سُبْحَانَكَ

الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ رَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ.

Solat Sunat Subuh

1. Disunatkan solat sunat dua rakaat yang ringan sebelum fardu Subuh. Aisyah meriwayatkan bahawa nabi ﷺ melakukan solat sunat Subuh sebanyak dua

---

49 Ini dilakukan oleh nabi ﷺ sebagaimana disebut oleh Huzaifah r.a di dalam Sahih Muslim (pent.)

50 Riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibnu Majah.

51 Riwayat Abu Dawud, al-Nasaie dan al-Daraqutni.

rakaat dengan ringan (pendek).[52]

2 Membaca surah al-Kafirun pada rakaat pertama dan al-Ikhlas pada rakaat kedua.[53]

3. Disunatkan berbaring di atas sisi kanan selepas solat sunat Subuh bagi yang perlukan sedikit rehat sebagaimana dilakukan oleh nabi ﷺ kerana baginda memanjangkan solat malamnya.[54]

Duduk berzikir selepas Solat Subuh

Jabir bin Samurah r.a meriwayatkan bahawa selepas menunaikan solat Subuh, baginda Nabi ﷺ akan duduk di tempatnya (sambil berzikir) sehingga terbit matahari. [55]

Bacaan-bacaan Sunat di dalam Solat

1. Doa Iftihah Doa ini dibaca selepas Takbiratul Ihram dan sebelum bacaan al-Fatihah. Antara doa iftihah yang pernah dibaca oleh nabi ﷺ :

---

52 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

53 Riwayat Muslim

54 Hal ini disebut oleh isteri baginda, Aisyah r.a di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim. (pent.)

55 Riwayat Muslim.

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيفًا، وَمَا أَنَا مِنَ

الْمُشْرِكِينَ. إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.[56]

Aku menghadapkan wajahku dengan ikhlas kepada Yang telah mencipta langit-langit dan bumi, dan aku tidak termasuk orang yang melakukan syirik. Sesungguhnya solatku, korbanku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah semata, Tuhan alam semesta.

Atau:

اَللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ،

اَللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، اَللَّهُمَّ

اغْسِلْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ.

Ya Allah jauhkan aku dari dosa-dosaku sebagaimana Engkau jarangkan antara Timur dan Barat, ya Allah sucikan aku dari kesalahan-kesalahanku sepertimana pakaian putih dibersihkan dari kotoran, ya Allah bersihkan dosa-dosaku dengan air, salji dan ais.[57]

---

56 Riwayat Muslim

57 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

2. **Berta'awuz**
   Membaca (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) sebelum al-Fatihah.

3. **Membaca *bismillah*.**

4. **Menyebut *Aamiin* selepas al-Fatihah.**

5. **Membaca surah tambahan selepas al-Fatihah pada dua rakaat pertama.**

6. **Membaca doa berikut selepas Rabbana walakal-hamd [58]:**

مِلْءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءَ والْأَرْضِ ومِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَهْلَ

الثَّنَاءِ وَالْمَجْدِ، أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ، وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ. اَللَّهُمَّ لَا مَانِعَ

لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

7. **Mengulangi bacaan rukuk dan sujud lebih dari satu kali.**

8. **Mengulangi bacaan duduk di antara dua sujud.**

9. **Membaca doa berikut selepas tahiyat akhir**

58 Riwayat Muslim.

sebelum memberi salam [59]**:**

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ.

Ya Allah aku berlindung dengan-Mu dari azab neraka Jahannam, dari azab kubur, dari cubaan-cubaan kehidupan dan kematian, dan dari keburukan fitnah Dajjal.

- Digalakkan berdoa ketika ketika sujud. Nabi ﷺ bersabda, "Tempat paling dekat seorang hamba dengan tuhannya ialah ketika dia sujud, maka banyakkan doa ketika itu."[60]

- Setiap bacaan sunat ini diulangi setiap rakaat kecuali doa iftitah dan doa selepas tahiyat akhir. Maka bilangan bacaan sunat yang dilakukan dalam solat fardu sehari semalam (17 rakaat) ialah 136 sunnah.[61] Adapun solat sunat, iaitu 25 rakaat seperti yang disebutkan di atas, bilangan bacaan sunat yang dapat dilakukan ialah sebanyak 175 sunnah.[62]

---

59 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

60 Riwayat Muslim.

61 17 rakaat X 8 sunnah setiap rakaat.

62 25 rakaat X 7 sunnah setiap rakaat.

- Adapun doa iftitah dan doa selepas tahiyat akhir: (10 kali dalam solat fardu) + (24 kali dalam solat sunat) = 34 sunnah.

Perbuatan-perbuatan Sunat dalam Solat

1. Mengangkat tangan seiring dengan sebutan Takbiratul Ihram.
2. Mengangkat tangan ketika turun ke rukuk.
3. Mengangkat tangan ketika bangun dari rukuk.
4. Mengangkat tangan ketika berdiri selepas tahiyat awal.
5. Merapatkan jari-jari setiap kali mengangkat tangan.
6. Jari-jari diluruskan dan tapak tangan menghadap kiblat.
7. Mengangkat tangan dengan jari-jari tangan selari dengan bahu atau hujung telinga.
8. Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri ketika berdiri.
9. Melihat ke tempat sujud.
10. Menjarakkan kaki secara normal ketika berdiri.
11. Membaca surah dengan bagus dan penghayatan.

Sunat-sunat ketika Rukuk

1. Menggenggam lutut dengan tangan dan menjarakkan jari-jari.

2. Meluruskan belakang selurus yang mampu.

3. Memastikan kepala selari dengan belakang, tidak meninggikan kepala atau tunduk.

4. Menjarakkan kedua tangan.[63]

Sunat-sunat ketika Sujud

1. Menjarakkan kedua tangan, bahagian perut dari peha dan peha dari betis. [64]
2. Menjarakkan kedua lutut.
3. Menegakkan tapak kaki.
4. Memastikan bahagian bawah jari kaki menyentuh lantai.
5. Kedua kaki diluruskan ketika sujud.
6. Tangan diletakkan selari dengan bahu atau hujung telinga.
7. Tangan dijarakkan.
8. Jari-jari tangan rapat dan kemas sambil menghadap kiblat.
9. Terdapat dua cara duduk di antara dua sujud:

◆ Al-Iq'aa, iaitu menegakkan kaki dan meletakkan punggung di atas tumit.

---

63 Sekiranya dalam jemaah, pastikan tidak mengganggu orang di sebelah. (pent.)

64 Sekiranya dalam jemaah, pastikan tidak mengganggu orang di sebelah. (pent.)

- Al-Iftirasy, iaitu menegakkan kaki kanan dan membaringkan kaki kiri lalu meletakkan punggung di atasnya. Ini juga cara duduk tahiyat awal.

- Adapun tahiyat akhir, ada tiga cara duduk:

  - Menegakkan kaki kanan dan meletakkan kaki kiri di bawah betis kanan. Punggung di atas lantai.
  - Sama dengan cara pertama tetapi kaki kanan tidak ditegakkan, hanya dibaringkan seperti kaki kiri.
  - Menegakkan kaki kanan dan meletakkan kaki kiri di antara peha dan betis kanan.

10. Meletakkan kedua tangan di atas peha ketika duduk.
11. Mengisyaratkan dengan jari telunjuk kanan ketika tahiyat awal dan akhir.
12. Menoleh ke kiri dan kanan ketika memberi salam.

Wahai saudara dan saudariku, usahakanlah untuk menghiasi solatmu dengan sunnah-sunnah ini agar ganjaran pahala semakin berganda dan kedudukan kita di sisi Allah semakin tinggi.

Amalan Sunat Selepas Solat

1. Membaca istighfar sebanyak tiga kali.

2. Membaca doa[65]:

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ يَاذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

3. Membaca doa[66]:

لَا إِلٰـهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ ، وَلَهُ الْحَمْدُ،
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ،
وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

4. Membaca doa[67]:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ،
وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ، لاَ
إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ

---

65 Riwayat Muslim.

66 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

67 Riwayat Muslim.

5. Membaca[68]:

- سُبْحَانَ اللهِ x33
- اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ x33
- اَللهُ أَكْبَرُ x33
- لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

6. Membaca doa berikut [69]:

اَللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Ya Allah bantu aku mengingati- Mu, mensyukuri-Mu dan mendirikan ibadah dengan baik kepada-Mu

---

68 Riwayat Muslim.

69 Riwayat Abu Dawud dan al-Nasaie

7. Membaca doa berikut[70] :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

Ya Allah aku memohon perlindungan-Mu dari sifat bacul, dari kenyanyukan, dan aku mohon perlindungan dari fitnah dunia serta azab kubur.

8. Membaca doa berikut: [71]

رَبِّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ

Tuhanku jauhiku dari azab di hari Engkau membangkitkan para hamba-Mu

9. Membaca surah al-Ikhas, al-Falaq dan al-Nas.[72]

- Surah-surah ini dibica tiga kali selepas solat Subuh dan Maghrib.

10. Membaca ayat al-Kursi.[73]

---

70 Riwayat al-Bukhari.

71 Riwayat Muslim.

72 Riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi dan al-Nasaie.

73 Riwayat al-Nasaie.

11. Membaca sepuluh kali selepas Subuh dan Maghrib [74]:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَشَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ

يُحْيِي وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

12. Membilang zikir-zikir ini dengan tangan sebagaimana dilakukan oleh Rasulullah ﷺ.

Kelebihan amalan zikir-zikir ini:

- Mendapat ganjaran memberi sedekah bagi setiap zikir yang dilafazkan.

  Sabda Nabi ﷺ , "Setiap tasbih itu sedekah, setiap takbir itu sedekah, setiap tahmid sedekah dan setiap tahlil sedekah." [75]

- Setiap zikir seperti menanam sepohon pokok di syurga. Pada suatu hari Rasulullah ﷺ melihat Abu Hurairah r.a menanam pokok, lalu baginda bersabda, "Wahai Abu Hurairah, sudikah engkau jika aku ajarkan tanaman yang lebih baik dari tanaman ini?" Dia menjawab, "Tentu wahai rasulullah." Baginda bersabda, "bacalah subhanallah, alhamdulillah, la

74 Riwayat al-Tirmidhi.

75 Riwayat Muslim.

ilaha illallah dan allahu akbar, akan ditanam untukmu satu pohon di syurga bagi setiap zikir."[76]

- Sesiapa yang membaca ayat al-Kursi selepas setiap solat, tiada sesuatu boleh menghalangnya dari dimasukkan ke dalam syurga.[77]

- Dihapus dosa-dosa walau sebanyak buih di lautan [78]

- Bacaan zikir ini akan menampung segala kekurangan dalam solat.

Bacaan Zikir di Waktu Pagi dan Petang

1. Ayat al-Kursi.
   Sabda Nabi ﷺ, "Sesiapa yang membacanya di waktu pagi akan dilindungi dari gangguan jin hingga petang, sesiapa yang membacanya di waktu petang akan dilindungi dari gangguan jin hingga ke pagi."[79]

2. Surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas. Sesiapa yang membacanya tiga kali setiap pagi dan petang, cukup baginya sebagai perlindungan dari segala perkara.[80]

---

76 Riwayat Ibnu Majah dan disahihkan oleh Al-Albani.

77 Hadith hasan riwayat al-Nasaie. (pent.)

78 Riwayat Muslim.

79 Riwayat al-Nasaie dan disahihkan oleh Al-Albani.

80 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

3.

أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ[81] الْمُلْكُ لِلَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِي هَٰذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهُ[82]، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِي هَٰذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهُ.[83] رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكَسَلِ وَسُوءِ الْكِبَرِ، رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابٍ فِي النَّارِ وَعَذَابٍ فِي الْقَبْرِ.

Kami mulakan pagi(atau petang) ini dan di pagi (atau petang) ini segala kerajaan adalah milik Allah, dan segala puji bagi Allah, tiada tuhan berhak disembah melainkan Allah, tiada sekutu bagi-Nya, segala perkara milik-Nya dan semua pujian bagi-Nya dan Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu. Wahai tuhanku aku mohon dari-Mu kebaikan hari (atau malam) ini dan selepasnya, serta aku berlindung dengan-Mu dari semua kejahatan hari (atau malam) ini dan selepasnya, wahai tuhanku aku berlindung dengan-Mu dari sifat malas, nyanyuk di usia tua, tuhanku aku mohon perlindungan-Mu dari azab neraka dan dari azab kubur. [84]

---

81 Di waktu petang baca أَمْسَيْنَا وَأَمْسَى:

82 Di waktu petang baca هَٰذِهِ اللَّيْلَةِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهَا :

83 Di waktu petang baca هَٰذِهِ اللَّيْلَةِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهَا :

84 Riwayat Muslim.

4. اَللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ نَحْيَا وبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ النُّشُورُ.

Ya Allah dengan nama-Mu kami mulakan pagi ini dan dengan nama-Mu kami mulakan waktu petang, dengan nama-Mu kami hidup dan dengan nama-Mu kami mati, dan kepada Engkau kebangkitan kami.[85]

Di waktu petang baca:

اَللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا وَبِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

Ya Allah dengan nama-Mu kami mulakan petang ini dan dengan nama-Mu kami mulakan waktu pagi, dengan nama-Mu kami hidup dan dengan nama-Mu kami mati, dan kepada Engkau tempat kembali.

5. Membaca Penghulu Istighfar[86]:

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ. أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وأَبُوءُ لَكَ بذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

---

85 Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad.

86 Riwayat al-Bukhari.

Ya Allah Engkau tuhanku tiada tuhan yang layak disembah kecuali-Mu, Engkau yang mencipta aku dan aku hamba-Mu, aku berpegang dengan perjanjian-Mu dengan semampunya, aku mohon perlindungan-Mu dari kejahatan yang telah aku lakukan, aku kembali kepada-Mu dengan segala nikmati-Mu dan aku pulang kepada-Mu dengan dosa-dosaku maka ampunilah kesalahanku sesunguhnya tiada yang mengampuni dosa kecuali Engkau.

6 اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَة. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي. اَللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي وَآمِنْ رَوْعَاتِي. اَللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.

Ya Allah aku mohon dari-Mu kesejahteraan di dunia dan di akhirat, aku memohon keampunan dan kesejahteraan pada urusan agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah sembunyikanlah kesilapanku dan selamatkanku dari ketakutan. Ya Allah peliharalah akan aku dari arah hadapan, belakang, arah kanan dan kiri, dan dari arah atas serta aku berlindung dengan keagungan-Mu dari ditenggelami tanah.[87]

87 Riwayat Abu Dawud.

7 اَللّٰهُمَّ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِي سُوءًا أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ.

Ya Allah Pencipta langit-langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui perkara ghaib dan nyata, tiada tuhan berhak disembah melainkan Engkau, tuhan segala-galanya dan pemiliknya. Aku memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan diriku dan kejahatan syaitan serta kesyirikannya, dan (aku berlindung) daripada berbuat jahat ke atas diri sendiri atau ke atas orang lain.[88]

8. Membaca tiga kali:

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

Membaca tiga kali: Dengan nama Allah, yang dengan nama-Nya tiada sesuatu pun boleh memudaratkan, (sama ada) di bumi mahu pun di langit, dan Dia-lah yang Maha Mendengar Maha Mengetahui.[89]

---

88 Riwayat al-Tirmidhi.

89 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

- Hadith menyebutkan bahawa sesiapa yang membacanya di waktu pagi dan petang nescaya tiada yang boleh memudaratkannya.

9 يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ، أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ، وَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ.

Wahai tuhan yang Maha Hidup, al-Qayyum, dengan rahmat-Mu aku memohon pertolongan, perbaikilah urusanku keseluruhannya dan janganlah Engkau biarkan diriku ini diurus oleh aku sendiri walau hanya sekelip mata.[90]

10. Membaca (سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ) seratus kali setiap pagi dan petang.[91]
    Kelebihan: Sesiapa membacanya di waktu pagi dan petang, tidak ada orang yang akan datang pada Hari Kiamat nanti dengan amalan yang lebih baik, kecuali orang yang juga membacanya atau lebih dari itu.

11. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

---

90 Riwayat al-Hakim.

91 Riwayat Muslim.

Tiada tuhan berhak disembah melainkan Allah tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kerajaan dan segala pujian dan Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu.

Kelebihan membacanya seratus kali sehari: Seperti membebaskan sepuluh orang hamba, ditulis untuknya seratus pahala, dihapuskan seratus dosa serta terpelihara dari gangguan syaitan hingga ke petang.[92]

12. Beristighfar seratus kali sehari.[93]

13. Membaca doa ini selepas solat Subuh [94]:

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا.

Ya Allah aku mohon dari-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.

14. Membaca doa ini di waktu pagi sebanyak tiga kali:[95]

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

92 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

93 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

94 Riwayat Ibnu Majah.

95 Riwayat Muslim.

Maha suci Allah dan segala puji bagin-Nya sebanyak bilangan makhluk dan (sebanyak) keredhaan-Nya, dan seberat arasy-Nya dan bilangan Kalimat-Nya.

15. Membaca doa ini di waktu petang sebanyak tiga kali[96]:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

Aku berlindung dengan Kalimat-Kalimat Allah yang sempurna dari kejahatan apa yang Dia ciptakan.

Sunnah-sunnah Sewaktu Bertemu dengan Orang

1. Memberi salam.
   Di dalam sebuah hadith Rasulullah ﷺ ditanya, "amalan Islam manakah yang bagus (untuk aku amalkan)? Baginda menjawab, "Memberi makan dan menyampaikan salam pada orang yang dikenali dan tidak dikenali."[97]

   Di dalam hadith yang lain disebutkan bahawa seorang lelaki datang ke majlis Rasulullah ﷺ lalu menyebut Assalamualaikum. Baginda nabi menjawab salam dan berkata, "Sepuluh (pahala)". Kemudian datang seorang lelaki dan memberi salam Assalamualaikum

96 Riwayat al-Tirmidhi. Sesiapa membacanya tidak akan diganggu oleh sesuatu pun sehingga waktu pagi.

97 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

wa rahmatullah. Nabi menjawab dan berkata, “Dua puluh (pahala).” Kemudian datang pula seorang lelaki lain dan memberi salam Assalamualaikum wa rahmatullah wa barakatuh. Nabi ﷺ pun menjawab dan berkata, “Tiga puluh (pahala).”[98]

- Lihatlah saudaraku betapa ruginya orang yang tidak memberikan salam dengan penuh sehingga dia perolehi tiga puluh ganjaran pahala dengan begitu mudah, dan Allah Yang Maha Kaya itu menggandakan pahala dengan sepuluh gandaan atau lebih. Marilah sama-sama kita latih dan membiasakan diri untuk memberi salam dengan sempurna.

- Saudaraku, jangan lupa juga untuk memberi salam sewaktu ingin beredar dari sebuah majlis. Sabda Nabi ﷺ, “Apabila seseorang dari kamu datang ke majlis berikan salam dan apabila ingin bangun dan beredar (juga) berikan salam.”[99]

2. Senyuman.
Sabda Nabi ﷺ, “Janganlah perlekehkan apa-apa amalan kebaikan, walau hanya bertemu sahabat dengan wajah yang gembira.” [100]

---

98 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

99 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

100 Riwayat Muslim.

3. Berjabat tangan.
Sabda Nabi ﷺ, "Tidak ada dua orang muslim yang berjumpa lalu berjabat tangan melainkan dosa-dosa mereka diampunkan sebelum berpisah."[101]

- Marilah sama-sama kita berusaha mempraktik tiga Sunnah ini setiap kali bertemu dengan orang; memberi salam, senyum dan berjabat tangan.

4. Bercakap dengan perkataan yang baik sahaja.

Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Israa' ayat ke-53:

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَـٰنَ يَنزَغُ

بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَـٰنَ كَانَ لِلْإِنسَـٰنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

101 Riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibnu Majah.

Di dalam hadith, Nabi ﷺ menyebutkan, "Perkataan yang baik itu satu bentuk sedekah."[102]

- Perkataan yang baik itu termasuklah doa, mengingati Allah, memberi salam serta beradab mulia dan berakhlak baik.
- Perkataan yang baik mendatangkan ketenangan ke dalam jiwa.
- Perkataan yang baik menjadi petunjuk kepada isi hati yang dipenuhi hidayah dan cahaya daripada Allah s.w.t.
- Pernahkan engkau terfikir wahai saudaraku bagaimana indahnya hidup ini tatkala diserikan dengan kata-kata yang baik lagi indah, tidak kira di waktu pagi mahu pun senja. Sesungguhnya pasangan kita, anak-anak, jiran tetangga, para sahabat serta pekerja kita kesemua mereka itu berhajat kepada perkataan yang baik dan indah.

Amalan Sunnah Ketika Menjamu Selera

Di dalam sebuah hadith Nabi ﷺ bersabda, "Wahai anak, sebut nama Allah, makanlah dengan tangan kanan dan makanlah apa yang hampir dengan kamu."[103]

---

102 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

103 Riwayat Muslim.

Dari hadith ini kita dapati tiga Sunnah iaitu; membaca Bismillah, menggunakan tangan kanan dan memulakan makan dengan apa yang hampir dengan kita.

Keempat: Sabda Nabi ﷺ, "Jika ada makanan seorang dari kamu terjatuh, hendaklah dia bersihkan makanan itu dari kotoran kemudian memakannya (tidak membuang)."

Kelima: Termasuk sunnah Nabi ﷺ sewaktu makan ialah untuk tidak duduk dengan terlalu selesa. Ini memastikan seseorang itu tidak makan terlalu banyak kerana berlebihan dalam
makanan tidak disuka nabi ﷺ (pent.)

Keenam: Menjilat baki makanan yang ada di bekas makanan dan jari-jari seusai makan. Nabi ﷺ berkata, "Sesungguhnya kamu tidak mengetahu di mana terletaknya keberkatan."

Ketujuh: Memuji Allah selepas makan mengikut petunjuk Nabi ﷺ[104]:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ.

Segala puji bagi Allah yang telah memberikan makanan ini dan yang telah mengurniakan rezeki ini tanpa usaha dari diriku sendiri mahupun keupayaan.

104 Riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibnu Majah. Sesiapa membaca doa ini

Kelapan: Bernafas di luar bekas minuman. Di dalam hadith disebutkan bahawa nabi ﷺ akan bernafas tiga kali ketika minum.[105]

Kesembilan: Minum sambil duduk. Sabda nabi ﷺ, "Jangan seseorang daripada kamu minum sambil berdiri."[106]

Kesepuluh: Memuji Allah seusai minum. Sabda Nabi ﷺ, "Sesungguhnya Allah redha apabila seorang hamba makan lalu memuji-Nya setelah itu... dan apabila dia minum lalu memuji-Nya setelah itu."[107]

Menunaikan Solat Sunat di Rumah

1. Sabda Nabi ﷺ, "Sebaik-baik solat seseorang itu apabila ditunaikan di rumah melainkan solat fardhu."[108]

2. Sabda Nabi ﷺ, "Solat sunat yang ditunaikan di tempat yang tidak dilihat orang dua puluh ganda lebih utama dari solat yang didirikan di depan orang."[109]

---

105 Riwayat Muslim.

106 Riwayat Muslim.

107 Riwayat Muslim.

108 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

109 Riwayat Abu Ya'la dan disahihkan oleh al-Albani.

3. Sabda Nabi ﷺ, "Keutamaan solat seseorang di rumah berbanding solat di depan manusia seperti keutamaan solat fardhu ke atas solat sunat."[110]

◆ Berpandukan hadith-hadith ini, adalah sangat digalakkan untuk kita menunaikan solat-solat sunat di rumah agar ganjaran lebih banyak dilipat gandakan.

◆ Keutamaan mengamalkan sunnah-sunnah ini:

- Mudahkan datang rasa khusyemuk dan menjauhkan perasaan menunjuk-nunjuk.
- Menjadi penyebab turun rahmat ke dalam rumah dan mengusir syaitan daripada memasukinya.
- Menjanjikan ganjaran yang berganda.

Amalan Sunnah Ketika Bangun dari Majlis

Disunatkan membaca Kaffarah al-Majlis iaitu[111]:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

Maha suci Engkau ya Allah dan segala puji kepada-Mu, aku bersaksi bahawa tiada tuhan berhak disembah selain-

110 Riwayat al-Tabarani dan disahihkan oleh al-Albani.

111 Riwayat Ashab al-Sunan.

Mu, aku memohon keampunan-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu.

Begitu banyak majlis kita hadiri setiap hari, dan setiap majlis itu kita berpeluang mengamalkan sunnah ini. Antara majlis-majlis harian tersebut:

- Sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam.
- Tatkala bertemu sahabat, jiran tetangga, kawan sekelas atau rakan sekerja.
- Ketika berehat di rumah bersama pasangan dan anak-anak.
- Ketika di dalam kenderaan bersama ahli keluarga.
- Sewaktu menghadiri majlis ilmu.

Lihatlah wahai saudara berapa banyak peluang untuk kita membaca zikir yang baik ini dan sentiasa mempunyai hubungan yang kuat dengan Allah s.w.t dalam setiap majlis yang kita hadiri.

Berapa banyak peluang untuk membaca zikir ini dan melakukan taubat serta istighfar kepada Allah yang Maha Pengampun.

Berapa banyak peluang untuk membaca zikir ini dan berikrar akan keesaan Allah s.w.t.

Kelebihan bacaan zikir ini: pengampunan segala dosa yang dilakukan dalam majlis tersebut.

Amalan Sunnah Sebelum Tidur

1. Membaca [112]:

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوتُ وَأَحْيَا.

Dengan nama-Mu ya Allah aku mati dan aku hidup

2. Merapatkan kedua tapak tangan dan membaca surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas, kemudian hembus pada tapak tangan dan sapu bahagian badan yang boleh dicapai, bermula dari bahagian atas kepala dan muka. Ulangi sebanyak tiga kali.[113]

3. Membaca ayat al-Kursi. Kelebihannya: Barangsiapa membacanya akan ada penjaga dari Allah s.w.t yang akan menjaganya sepanjang malam dan dipelihara dari gangguan syaitan.[114]

4. Membaca:

بِاسْمِكَ رَبِّ وَضَعْتُ جَنْبِي وَبِكَ أَرْفَعُهُ إِنْ أَمْسَكْتَ نَفْسِي فَارْحَمْهَا وَإِنْ

أَرْسَلْتَهَا فَاحْفَظْهَا بِمَا تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ.

112 Riwayat al-Bukhari.

113 Riwayat al-Bukhari.

114 Riwayat al-Bukhari.

Dengan nama-Mu wahai Allah aku meletakkan sisiku dan dengan-Nya juga aku mengangkat (sisiku). Sekiranya Engkau menahan rohku (dari kembali kepada jasad) maka rahmatilah, jikalau Engkau kembalikan rohku (kepada jasad) maka peliharalah sebagaimana Engkau memelihara hamba-hamba-Mu yang soleh. [115]

5. Membaca:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ خَلَقْتَ نَفْسِي وَأَنْتَ تَوَفَّاهَا لَكَ مَمَاتُهَا وَمَحْيَاهَا إِنْ أَحْيَيْتَهَا فَاحْفَظْهَا وَإِنْ أَمَتَّهَا فَاغْفِرْ لَهَا اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ.

Wahai Allah sesungguhnya Engkau telah mencipta jiwaku dan Engkau yang mematikannya, milik-Mu jua kematiannya serta kehidupannya, jika Engkau menghidupkannya maka peliharalah, dan jika Engkau mematikannya ampunilah dosadosanya. Ya Allah aku memohon dari-Mu kesejahteraan (al-'Aafiyah).[116]

6. Apabila meletakkan tangan di bawah pipi bacakan doa ini sebanyak tiga kali : [117]

اَللَّهُمَّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ.

Ya Allah jauhkan aku dari azab-Mu, di hari Engkau

115 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

116 Riwayat Muslim.

117 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

bangkitk an hamba-hamba-Mu.

7. Membaca: Subhanallah x33, Alhamdulillah x33 dan Allahuakbar x34.[118]

8. Membaca:

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَكَفَانَا وَآوَانَا فَكَمْ مِمَّنْ لَا كَافِيَ لَهُ وَلَا مُؤْوِيَ

Segala puji bagi Allah yang telah memberi makanan kepada kami, memberi minum, mencukupkan kami dan telah mengurniakan teduhan buat kami, betapa ramai yang tidak mendapat penjagaan (Allah) dan teduhan-Nya.[119]

9. Membaca:

اَللَّهُمَّ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِي سُوءًا أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ.

Ya Allah Yang Maha Mengetahui perkara ghaib dan

---

118 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

119 Riwayat Muslim.

nyata, Pencipta langit-langit dan bumi, tuhan segala-galanya dan pemiliknya.aku bersaksi bahawa tiada tuhan berhak disembah melainkan Engkau, Aku memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan diriku dan kejahatan syaitan serta kesyirikannya, dan (aku berlindung) daripada berbuat jahat ke atas diri sendiri atau ke atas orang lain. [120]

10. Membaca:

اَللَّهُمَّ أَسْلَمْتُ نَفْسِي إِلَيْكَ، وَفَوَّضْتُ أَمْرِي إِلَيْكَ، وَوَجَّهْتُ وَجْهِي إِلَيْكَ، وَأَلْجَأْتُ ظَهْرِي إِلَيْكَ، رَغْبَةً وَرَهْبَةً إِلَيْكَ، لاَ مَلْجَأَ وَلاَ مَنْجَا مِنْكَ إِلاَّ إِلَيْكَ، آمَنْتُ بِكِتَابِكَ الَّذِي أَنْزَلْتَ، وَبِنَبِيِّكَ الَّذِي أَرْسَلْتَ.

Ya Allah aku berserah diri kepada-Mu, aku serahkan urusanku kepada-Mu, aku menghadapkan wajahku kepada-Mu, aku kembalikan segala urusan peribadiku kepada-Mu, dengan harapan (pahala) dan rasa takut (pada azab), tiada tempat perlindungan dan keselamatan dari-Mu kecuali (dengan kembali) kepada-Mu, aku beriman dengan kitab yang telah Engkau turunkan dan dengan Nabi yang Engkau utus. [121]

---

120 Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi.

121 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

11. Membaca:

اللهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ وَرَبَّ الْأَرْضِ وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ، فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى، وَمُنْزِلَ التَّوْرَاةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ، اللهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ، اقْضِ عَنَّا الدَّيْنَ، وَأَغْنِنَا مِنَ الْفَقْرِ.

Ya Allah tuhan langit-langit dan bumi, serta tuhan Arasy yang agung, tuhan kami dan tuhan segala sesuatu, tuhan yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuhan) dan biji (buah-buahan), tuhan yang menurunkan kitab Taurat, Injil dan al-Furqan (al-Quran), aku memohon perlindungan-Mu dari semua perkara yang Engkau milik dan kawal. Ya Allah Engkaulah al-Awwal tiada ciptaan yang wujud sebelum-Mu, dan Engkau al-Aakhir tiada ciptaan selepas-Mu, Engkau Al-Zahir tiada sesuatu di atas-Mu dan Engkau al-Batin tiada sesuatu yang lebih dekat dari Engkau, jelaskan hutangku (dengan tuhan dan sesama insan) dan jauhikan aku dari kefakiran.[122]

122 Riwayat Muslim.

12. Membaca dua ayat terakhir surah al-Baqarah.
Kelebihan membaca:
Kedua ayat tersebut akan memadai buat pembacanya sebagaimana disebutkan dalam hadith[123]. Berkata Imam Nawawi di dalam kitabnya al-Azkar [124]: Terdapat beberapa pandangan ulama dalam menafsirkan makna "memadai", antara yang disebutkan ialah memadai buat pembacanya daripada mendirikan solat malam. Ada pula mengatakan bahawa maksud "memadai" ialah terpelihara daripada segala jenis kejahatan. Aku (Imam Nawawi) mengatakan: Boleh dikatakan kedua-dua tafsiran itu adalah makna yang dimaksudkan.

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۚ كُلٌّ
ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ
أَحَدٖ مِّن رُّسُلِهِۦۚ وَقَالُواْ سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۖ غُفۡرَانَكَ رَبَّنَا
وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨٥ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا وُسۡعَهَاۚ
لَهَا مَا كَسَبَتۡ وَعَلَيۡهَا مَا ٱكۡتَسَبَتۡۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذۡنَآ إِن

123 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

124 Al-Azkar m/s 90.

نَّسِينَآ أَوۡ أَخۡطَأۡنَاۚ رَبَّنَا وَلَا تَحۡمِلۡ عَلَيۡنَآ إِصۡرٗا كَمَا

حَمَلۡتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِنَاۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلۡنَا مَا لَا

طَاقَةَ لَنَا بِهِۦۖ وَٱعۡفُ عَنَّا وَٱغۡفِرۡ لَنَا وَٱرۡحَمۡنَآۚ أَنتَ مَوۡلَىٰنَا

فَٱنصُرۡنَا عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٢٨٦

13. Tidur dalam keadaan berwudhu'.

14. Tidur di atas sisi kanan.

15. Meletakkan tangan kanan di bawah pipi kanan.

16. Mengebas tempat tidur. Sabda Nabi ﷺ, "Apabila seorang dari kamu datang ke tempat tidurnya hendaklah dia mengebasnya... kerana dia tidak tahu apa yang berada di situ setelah dia bangkit darinya."[125]

17. Membaca surah Al-Kafirun. Kelebihan membaca: Ayat-ayat surah ini membawa makna berlepas diri daripada syirik. [126]
   - Bacaan-bacaaan doa dan zikir ini tidak terhad

---

125 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

126 Riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ahmad. Disahihkan oleh Ibnu Hibban, al-Hakim dan dipersetujui oleh al-Zahabi.

pada tidur malam sahaja, bahkan boleh diamal untuk tidur di waktu tengah hari.

- Antara kelebihan mengamalkan zikir-zikir ini ialah dituliskan buat pemgamalnya ganjaran memberi sedekah bagi setiap tasbih yang disebut.
- Orang yang mengamalkan sunnah-sunnah ini juga akan mendapat perlindungan Allah s.w.t daripada gangguan syaitan dan daripada sebarang kemudaratan lain.
- Seseorang hamba itu mengakhiri aktiviti hariannya dengan menyebut nama Allah serta berikrar akan keesaan Allah sebelum tidur.

Sentiasa Menghadirkan Niat Ikhlas dalam Semua Aktiviti

Ketahuilah wahai saudara semoga Allah memeliharamu- bahawa kita boleh menjadikan aktiviti harian seperti makan, minum, berkerja dan selainnya sebagai amalan ketaatan yang mendatangkan pahala, dengan syarat kita menghadirkan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dalam setiap aktiviti tersebut. Ini kerana Nabi ﷺ bersabda, "Setiap amalan itu (diberikan ganjaran atau balasan) berdasarkan niat, dan setiap individu akan mendapat (ganjaran atau balasan) mengikut niatnya..."[127]

127 Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Misalnya, seorang itu tidur awal dengan niat untuk bangun menunaikan solat malam atau solat Subuh dengan segar. Maka, tidur itu diberikan ganjaran ke atasnya kerana niat yang mulia itu. Begitu juga aktiviti-aktiviti lain apabila digandingkan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah ia akan dikira sebagai amal ibadah.

Memaksimumkan Amal Ibadah dalam Satu Waktu

Merebut semaksimum pahala dalam satu masa merupakan satu kemahiran atau "seni". Hanya mereka yang

berhati-hati dan "cerewet" dengan masanya sahaja yang mampu melakukannya. Antara contoh situasi yang boleh diperbanyakkan pahala ialah:

- Berjalan menuju ke masjid itu sendiri merupakan satu ibadah yang dijanjikan pahala. Jika seseorang itu berzikir atau membaca al-Quran ketika berjalan, dia berjaya melakukan lebih dari satu ibadah dalam masa yang sama dan pahalanya akan lebih berganda.

- Apabila seorang muslim menghadiri jemputan saudaranya, ia merupakan satu tuntutan dalam Islam dan diberikan ganjaran.[128] Sentiasa ingat akan Allah dan berpesan-pesan kepada kebaikan dalam majlis

128 Sabda nabi ﷺ, "Hak seorang muslim ke atas saudaranya ada lima ... menghadiri jemputannya." Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim. (pent.)

tersebut akan melipatgandakan pahala dan ganjaran di sisi Allah s.w.t.

Mengingati Allah di Setiap Masa dan Keadaan

- Zikrullah adalah tunjang pengabdiaan seorang hamba kepada Allah s.w.t dan merupakan penghubung antara makhluk dan pencipta. Isteri baginda, Aisyah r.a pernah berkata: Rasulullah ﷺ sentiasa ingat pada Allah dalam setiap keadaan.[129]

- Zikrullah juga menjadi pembeza antara orang beriman dan orang munafiq yang senantiasa alpa akan kewajipan mengingati tuhan.

- Syaitan tidak berkuasa kecuali ke atas mereka yang lalai dari mengingati Allah. Zikrullah menjadi benteng teguh bagi orang beriman daripada gangguan dan tipu daya syaitan[130].

- Zikrullah ialah wasilah mencapai kebahagian. Firman Allah di dalam surah al-Ra'd ayat ke-28:

---

129 Riwayat Muslim.

130 Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nahl: 99-100 "Sesungguhnya Syaitan itu tidak mempunyai sebarang pengaruh terhadap orang-orang yang beriman dan bertawakal kepada Tuhan mereka. Sesungguhnya pengaruh Syaitan itu hanyalah terhadap orang-orang yang menjadikan dia pemimpin mereka dan orang-orang yang dengan sebab hasutannya melakukan syirik kepada Allah" (pent.)

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

- Zikrullah dalam setiap keadaan dan di setiap masa sangat ditekankan di dalam Islam. Ketahuilah bahawa penghuni syurga yang kekal abadi itu tidak merasa sesal akan sesuatu melainkan pada waktu-waktu yang mereka ada di dunia tetapi mereka tidak melakukan zikrullah.

- Imam Nawawi berkata: Para ilmuwan Islam telah bersepakat akan keharusan zikrullah dengan hati dan lisan bagi orang yang berhadas, berjunub, haid serta nifas. Adalah harus (bahkan digalakkan) untuk bertasbih, bertahmid, bertahlil, berselawat ke atas nabi dan berdoa.

- Sesiapa yang melakukan zikrullah akan disebut namanya dan diingati oleh Allah s.w.t. Firman-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat ke-152:

فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku, Aku akan ingat

padamu dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku).

- Zikrullah bukan ucapan di bibir semata walhal hati leka akan kebesaran tuhan. Zikir yang diucap oleh lisan seharusnya diiringi tafakkur hati dan penghayatan makna setiap kalimat yang dibaca. Allah s.w.t berfirman:

وَٱذْكُر رَّبَّكَ فِى نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ ٱلْجَهْرِ مِنَ
ٱلْقَوْلِ بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْآصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya) dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai. (al-A'raf:205)

Bertafakur akan Nikmat Kurniaan Allah

Di dalam sebuah hadith, nabi ﷺ bersabda, "Renungkan (bertafakur) nikmat-nikmat Allah s.w.t ke atas kamu, dan jangan pula kamu (terlalu) fikir-fikirkan tentang (zat) Allah s.w.t."[131]

Setiap hari seorang muslim berhadapan dengan banyak

131 Riwayat al-Tabarani dan al-Baihaqi. Dinilai hasan oleh al-Albani.

situasi, melihat serta mendengar bermacam-macam perkara yang sewajarnya membangkitkan kesedaran untuk merenung sekaligus mensyukuri nikmat-nikmat yang Allah s.w.t telah kurniakan padanya.

Pernahkan kita fikirkan nikmat tuhan itu tatkala kita mengorak langkah ke masjid menyambut seruan ilahi dalam pada manusia kebanyakan di sekeliling kita tidak diberikan nikmat itu. Tatkala berjalan kaki ke masjid pada waktu Subuh sedang rumah-rumah lain masih padam lampu-lampunya.

Pernahkan kita fikirkan nikmat tuhan itu tatkala melihat dan mendengar kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling. Kemalangan meragut nyawa di sana, bencana alam di situ, wabak penyakit semakin menular, peperangan yang tiada kesudahan...

Sesungguhnya hamba yang diberikan tawfiq oleh Allah ialah dia yang tidak pernah sepi hati dan perasaannya daripada menghayati nikmat serta kurniaan tuhan ke atasnya, tidak lekang daripadi bibirnya pujian dan syukur pada Allah di atas nikmat agama, kesihatan, kesenangan dan kesejahteraan. Di dalam sepotong hadith Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ رَأَى مُبْتَلًى فَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي مِمَّا ابْتَلاكَ بِهِ وَفَضَّلَنِي عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقَ تَفْضِيلًا، لَمْ يُصِبْهُ ذَلِكَ الْبَلَاءُ.

Barangsiapa melihat seorang ditimpa musibah lalu memyebut, *"Segala puji bagi Allah yang telah memberi kepadaku kesejahteraan daripada apa yang telah menimpamu, dan Yang telah memberi padaku keutamaan ke atas banyak makhluk ciptaan-Nya"* nescaya tidak akan menimpa ke atasnya musibah tersebut.[132]

Mengkhatam Bacaan Al-Quran Setiap Bulan

Nabi s.a.w bersabda, "Bacalah (keseluruhan) al-Quran dalam satu bulan."[133]

Cara mengkhatam bacaan al-Quran dalam satu bulan: Hadir ke masjid 10 minit sebelum setiap solat supaya cukup masa untuk membaca dua helaian (4 muka surat) dari al-Quran. Boleh dibaca sebelum dan selepas menunaikan solat. Maka dalam sehari kita berjaya membaca sebanyak sepuluh helaian, bersamaan dengan 20 muka surat iaitu satu juz. Dengan ini, kita mampu mengkhatam al-Quran dalam masa satu bulan.

---

132 Riwayat al-Tirmidhi.

133 Riwayat Abu Dawud.